



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

LIPUTAN MEDIA BULAN OGOS 2025

KERATAN AKHBAR

MALAY MAIL/ 22 AUGUST 2025

MALAYSIA

Auditor-General: RM159m successfully collected into Malaysian govt's coffers due to audit follow-ups



Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi delivers the opening keynote during the ACFE Fraud Conference Asia-Pacific in Kuala Lumpur, August 21, 2025. — Picture by Raymond Manuel

By Ida Lim
Friday, 22 Aug 2025 8:38 AM MYT

KUALA LUMPUR, Aug 22 — The Malaysian government was able to recover RM159 million because of the National Audit Department's (NAD) efforts in following up on issues detected in audits of government entities, Auditor General (A-G) Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi said yesterday.

Wan Suraya credited this success to the Malaysian government's institutional reforms to boost the Auditor General's audit powers, as well as the NAD's introduction of new and innovative oversight mechanisms.

"The impact of all these efforts which I just mentioned — especially from the perspective of the Audit General's Dashboard, is that for example, since we established it and really focused on it — from January 2024, until July 31, 2025, follow-up audit actions have successfully led to the collection of RM159.54 million, in terms of collection to the federal coffers, either from the federal as well as state levels.

"This successfully demonstrates how important follow-up audit is in terms of enhancing transparency and driving good governance," she said in her keynote speech at the Association of Certified Fraud Examiners' (ACFE) 2025 Fraud Conference Asia-Pacific here.

In her speech, Wan Suraya listed both the government's and the NAD's efforts in preventing leak public funds:

In her speech, Wan Suraya listed both the government's and the NAD's efforts in preventing leakages of public funds:

1. Amendment of the Audit Act 1957 (which came into force on November 1, 2024) to allow audit on 1,856 government-linked entities

She said this was a key milestone, as the last amendment to the law was made 33 years ago in 1991.

This amendment expanded the Auditor General's audit powers to cover more bodies, including companies which receive financial guarantees from either the federal government or state government.

"Because of that, we are now in the process of auditing 1,856 government-linked companies across the country, which is a landmark decision, and it will all be audited in one book, so there's no pick and choose, cherry-picking or waiting the turn," she said, noting that the NAD is using the latest technology and digitalisation to achieve this.

Previously, the NAD could only audit 925 companies based on an 2022 gazette, but it can now audit 1,856 entities based on a November 2024 gazette.

"The NAD is committed to ensuring that all these entities, including government companies, will be audited annually," she said, noting that the NAD has already completed some of these audits and is already issuing audit reports to these entities.

2. A new "Follow the Public Money" audit approach

NAD has audit powers to open any doors wherever the public money goes, to ensure that all allocations from the national budget is used strictly for its intended purpose.

3. AG now has powers to make recommendations to address serious irregularities found during audits

The government has established the Serious Irregularities Committee, which A-G Wan Suraya currently co-chairs with the Treasury's secretary-general, to identify the most effective solutions.

The committee has senior representatives from the Attorney General's Chambers, the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), the police, and the Public Service Department.

"So debunking the notion that no action will be taken or has been taken against any findings of the audit report. I can ensure that is not so," she said.

"In fact, two days ago, I co-chaired the meeting where we reviewed again some of the findings of the audit report, so nothing is left unattended."

4. e-SelfAudit system (real-time auditing of government companies to provide immediate findings and detect irregularities in real-time)

5. Auditor General's Dashboard (real-time online platform to monitor progress of ministries and states in addressing irregularities found in audits)

Following the amended Audit Act's Section 9A(1), she said the A-G now actively follows up on audit issues until corrective actions are taken.

"Thus as I've said, debunking the perception that issues raised in the A-G's report are left unresolved or unattended."

Under Section 9A(1), the A-G can conduct a "follow-up audit" to review the action taken by entities including the government on issues found in the A-G's audit report, and the A-G can submit a report on the follow-up audit to the Yang di-Pertuan Agong and also give a copy to state rulers or ministers.

6. A-G's audit findings openly and transparently debated in Parliament, which reinforces accountability and public scrutiny

"You can see that in Malaysia, the work of public auditors does not end once you publish the report. It will continue on until it has been debated and then we will follow it up in the A-G's Dashboard."

"So these efforts demonstrate the government's as well as the NAD's unwavering commitment to combating fraud, enhancing transparency, and driving good governance in the public sector," she said.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO ONLINE / 26 OGOS 2025

AGD raih pengiktirafan antarabangsa

Muhammad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



WAN Suraya (depan, tengah) beramah bersama peserta yang terabit mesyuarat pembentangan data bagi pembangunan AGD. FOTO Ihsan Jabatan Audit Negara

Kuala Lumpur: Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (AGD) meraih pengiktirafan antarabangsa daripada Association of Certified Fraud Examiners (ACFE), sekali gus meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam usaha global memberantas penipuan.

Ia juga memperkukuh kedudukan negara sebagai peneraju tadbir urus terbuka.

Presiden ACFE John D Gill menyifatkan platform itu sebagai satu inovasi 'revolutioner' dalam ketelusan yang mengajak rakyat secara langsung untuk bersama-sama melindungi dana awam melalui kemas kini 'real time'.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam ucapan tahniah kepada Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Jabatan Audit Negara (JAN) atas pencapaian terbabit.

Menurut SPRM, AGD bukan sekadar alat teknologi, sebaliknya simbol kepada tekad Malaysia untuk memperkukuh ketelusan, meningkatkan akauntabiliti dan meningkatkan keyakinan serta kepercayaan rakyat.



"Lebih bermakna lagi, kejayaan ini lahir daripada semangat kolaborasi. Konsep platform audit berasaskan data ini dikemukakan pada 2022 kepada JAN oleh Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) dan Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan (BDPP) SPRM.

"Visi awal menekankan kepentingan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dan Analisis Data Raya (*Big Data*) untuk mengesan ketirisan dalam perolehan awam, pengurusan kewangan, dan pelaksanaan projek kerajaan," kata SPRM dalam kenyataan, malam tadi.

Menurut SPRM, melihat sebahagian daripada visi awal terbabit kini diterjemahkan sebagai sistem yang diiktiraf di peringkat antarabangsa adalah sesuatu yang amat membanggakan.

"Pencapaian ini mengingatkan kita bahawa usaha memperkukuh integriti bukanlah tugas satu institusi sahaja. Ia menuntut kolaborasi merentas agensi, kepimpinan yang berani serta berinovasi.

"Perjalanan Malaysia dalam membina ekosistem tadbir urus yang telus masih berterusan. Namun detik seperti ini membuktikan bahawa kita sedang berada di landasan yang tepat, dan usaha kolektif kita kini menjadi penanda aras bukan sahaja untuk Malaysia malah untuk dunia," katanya.

Disiarkan pada: Ogos 26, 2025 @ 1:45am



KERATAN AKHBAR

BERITA RTM | 27 OGOS 2025 | RABU



RUU Perolehan Kerajaan pertingkatkan integriti, kebertanggungjawaban urusan perolehan kerajaan - PM

Nasional - Dicipta: 27 Ogos 2025 07:25 PM



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan 2025 pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat, hari ini/ Foto BERNAMA



Utama Nasional Laporan Khas Ekonomi Jenayah Dunia Sukan Hiburan PI

KUALA LUMPUR, 27 Ogos- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan 2025 bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjelaskan RUU tersebut diperkenalkan bertujuan membatalkan hak dan keputusan Menteri Kewangan serta semua pihak berwajib dalam proses penganugerahan kontrak kerajaan, sebaliknya ia mestilah melalui proses tender secara telus dan terbuka.

"Kita juga melihat pengalaman hegemoni dan monopoli seperti kartel dalam isu sekecil-kecil telur ayam, ayam, sayur-sayuran, minyak masak sehinggalah perolehan perubatan dan besarnya seperti perolehan perkakasan ketenteraan.

"Keputusan ini selari dengan apa yang kita janjikan dalam kerajaan MADANI iaitu seperti mana teras dan prakasa kita membawa perubahan dan menyusun tindakan-tindakan seperti pengukuhan institusi parlimen, penggubalan RUU Perkhidmatan Parlimen, memperluas kuasa audit yang juga disebut 'follow public money' yang ada kaitan dengan ketelusan prosedur kontrak, tender atau pengurusan kewangan keseluruhannya," kata Perdana Menteri.

RUU Perolehan Kerajaan 2025 merangkumi 12 Bahagian dan 93 Fasal dengan matlamat meletakkan kebertanggungjawaban sepenuhnya kepada mana-mana pihak melaksanakan perolehan menggunakan dana kerajaan.

Justeru katanya RUU tersebut bukan sahaja akan terpakai kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi entiti Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan dan mana-mana entiti yang menerima geran kerajaan.

"Dengan langkah ini akan dapat menamatkan dan mengawal amalan rasuah dan ketirisan yang kita dapat lihat melalui laporan ketua audit negara, saban tahun.

"Ia juga bertujuan mengenakan tindakan tegas kepada mana-mana pesalah tidak kira penjawat awam, Menteri terlibat sudah bersara, kontraktor, atau mana-mana pihak dikenakan denda dan penjara," tegasnya.

Penggubalan RUU berkenaan katanya merupakan kesinambungan daripada Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 serta Akta Tatacara Kewangan 1957.

Selain itu, beliau turut menjelaskan penggubalan RUU Perolehan Kerajaan 2025 bagi meningkatkan integriti dan kebertanggungjawaban dalam urusan perolehan kerajaan.

"Ini juga mengelak daripada keterlanjuran (kesilapan) lalu kerana selepas keputusan (projek) itu dibuat, proses pembatalan tender sangat sukar. sebab itu di sini dibetulkan peringkat awal iaitu proses dan kaedah yang telus," jelas beliau.

Katanya, antara kesalahan yang sering dilakukan dalam proses perolehan kerajaan adalah kelulusan projek tanpa kelulusan pihak ketiga, tidak menzahirkan kepentingan, campur tangan dalam proses penganugerahan serta pemalsuan dokumen dan maklumat.

KERATAN AKHBAR

SUARA SARAWAK | 28 OGOS 2025 | KHAMIS

ARTIKEL



Penjawat awam Sarawak diseru bantu tingkatan pendapatan rakyat

KUCHING: Penjawat awam negeri diseru berganding bahu meningkatkan pendapatan rakyat, dengan penekanan bahawa kekuatan ekonomi mesti diterjemahkan kepada pendapatan isi rumah.

Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johani Tun Openg berkata, walaupun Bank Dunia telah mengiktiraf Sarawak sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi tumpuan kini adalah memastikan manfaat itu sampai kepada isi rumah biasa.

"Ini adalah tugas yang berat, dan saya mahu semua penjawat awam bekerjasama untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

"Ekonomi kita kukuh, tetapi kita mahu ia mengalir ke bawah.

"Oleh itu, kita telah memutuskan untuk membantu kumpulan B40," katanya.



Abang Johari (tiga dari kiri) menerima Obor Integriti daripada Datuk Dr Juanda Jaya (tiga dari kanan) sambil diperhatikan oleh yang lain. GAMBAR: RAMIDI SUBARI

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Hari Integriti Sarawak (HIS) 2025 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKC) di sini, hari ini.

Abang Johari menegaskan bahawa pendidikan dan teknologi merupakan pemacu utama dalam meningkatkan pendapatan.

"Anak-anak kita mesti berpendidikan, pertanian mesti menggunakan teknologi, kerja kita mesti mengaplikasikan peralatan canggih, dan proses kita mesti menggunakan kecerdasan buatan (AI).

"Inilah tugas kita. Hanya dengan itu kita boleh meningkatkan pendapatan golongan miskin, nelayan, petani dan penduduk kampung.



Abang Johari (tengah) bergambar bersama tetamu kehormat lain serta semua hadirin pada HIS 2025. GAMBAR: RAMIDI SUBARI

"Sebab itu kita telah memutuskan bahawa mulai tahun 2026, anak-anak nelayan dan anak-anak petani yang berjaya memasuki universiti akan diberikan pendidikan percuma.

"Selagi mereka diterima masuk ke universiti milik Sarawak, kita akan menyediakan pendidikan percuma kepada anak-anak kita," jelasnya.

Beliau turut menekankan kepentingan kebertanggungjawaban dalam tadbir urus dengan menyatakan bahawa pengurusan kewangan negeri terus mendapat pengiktirafan daripada Ketua Audit Negara serta penarafan 3A yang konsisten daripada Institusi Kewangan Antarabangsa.

"Kita bekerja keras untuk mencari sumber kewangan, dan dengan aset yang kita ada, kita menambah nilainya.

"Justeru, kita mesti mencari di mana sumber kita dalam lingkungan undang-undang kerana kita mahu menambah nilai sumber melalui simulasi moden.

"Oleh itu, saya mahu kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC), perkhidmatan awam termasuk pemimpin masyarakat untuk sama-sama membangunkan ekonomi kita.

"Saya mengucapkan tahniah kepada mereka yang bekerja dalam kerajaan kerana hingga hari ini, kita telah berjaya meningkatkan pendapatan," tambahnya.

Abang Johari juga berkata bahawa semua pihak harus memperbaiki kelemahan jika terdapat sebarang teguran.

"Jangan hanya simpan dalam almari. Jika laporan tahunan menunjukkan kelemahan, perkuatkan dan cari penyelesaian," ujarnya.

Beliau turut berharap agar budaya tadbir urus baik di Sarawak terus dipertahankan pada masa akan datang.

"Mudah-mudahan budaya ini akan berterusan, dan insya-Allah, dari tahun ke tahun, masyarakat kita akan menikmati kehidupan yang selesa.

"Saya sudah berusia, jadi kita mesti mencari pemimpin yang berintegriti untuk meneruskan kepimpinan Sarawak," katanya.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

UTUSAN BORNEO SARAWAK | 28 OGOS 2025 | KHAMIS

Akauntabiliti tinggi aspirasi Sarawak

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Sarawak berpotensi menjadi sebuah negeri yang berakauntabiliti tinggi seperti Sweden dalam tempoh 30 tahun akan datang jika nilai integriti terus diamalkan oleh setiap rakyat dan penjawat awam.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menegaskan, integriti adalah asas penting dalam memastikan setiap amanah dapat ditunaikan dengan baik, selain menjadi kunci kepada kejayaan agenda pembangunan negeri menuju 2030 dan seterusnya.

"Apabila kita ada budaya integriti, kita ikut peraturan dan undang-undang yang ada. Insya-Allah, dengan cara ini kita dapat melaksanakan tanggungjawab kita dengan baik.

"Sarawak menubuhkan Ombudsman sebagai langkah memperkukuh sistem integriti, mencontohi negara-negara yang terkenal dengan tahap akauntabiliti tinggi.

"Di Sweden, institusi Ombudsman sudah lebih 100 tahun dan integriti sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka.

"Negara seperti Sweden, Finland dan Norway mempunyai standard akauntabiliti yang sangat tinggi. Kita juga mahu ke arah itu," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam amanat sempena Hari Integriti Sarawak 2025 anjuran Kerajaan Sarawak melalui Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK) di sini, semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian,



PERKASA INTEGRITI: Abang Johari melakukan simbolik perasmian Hari Integriti Sarawak 2025 disaksikan Dr Sim (kanan), Juanda (dua kiri) dan Asfa (kiri) di BCKK, semalam. — (Sumber: Mohd Kamil Alnazi)

● Sarawak mampu jadi seperti Sweden dalam tempoh 30 tahun jika nilai integriti terus diamalkan: Premier

Speaker DUN Tan Sri Datuk Amar Mohd Asfa Awang Nassar, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman) Datuk Dr Juanda Jaya, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Dato Sri Dr Muhammad Abdullah Zaidel.

Abang Johari berkata, sebagai contoh, pengurusan sumber semula jadi Sarawak dan Norway yang berjaya menguruskan hasil minyak dengan penuh integriti.

"Norway hanya mengeluarkan minyak kira-kira 30 tahun lalu, namun mereka kini merupakan yang mempunyai dana kekayaan

berdaulat terbesar. Sebab apa? Kerana pengurusan kewangan yang baik dan berakauntabiliti.

"Rakyatnya menikmati gaji tinggi, pendidikan percuma dan teknologi terkini walaupun hanya berpopulasi lima juta orang," katanya.

— Utusan Melayu

Akauntabiliti tinggi aspirasi Sarawak

— Dari Muka 1

Beliau optimis bahawa Sarawak yang kini mempunyai sekitar tiga juta penduduk juga mampu mencapai kejayaan sama jika menguruskan minyak, gas, tanah dan air dengan penuh integriti.

"Kalau kita uruskan dengan baik, masa depan kita cerah. Mungkin dalam 30 tahun akan datang, kita mampu menyaijikan atau lebih baik daripada Sweden," tegasnya.

Premier dalam ucapannya turut mengingatkan bahawa ilmu dan integriti perlu seiring dalam membentuk masyarakat yang beramanah.

"Pepatah ada mengatakan, ada integriti tanpa ilmu tidak berguna, ada ilmu tanpa integriti pun tidak berguna.

"Tetapi apabila ada ilmu dan ada integriti, inilah yang kita mahu. Ilmu digunakan untuk mengangkat martabat manusia itu sendiri, bukan untuk menipu," jelasnya.

Beliau menambah, setiap amanah yang diberi mesti dilaksanakan mengikut undang-undang serta garis panduan yang ditetapkan.

"Kita bukan malaikat, kita ada kelemahan. Tetapi integriti mengingatkan kita kenapa kita berada di sini. Sebagai pemimpin dan penjawat awam, kita dipilih untuk melaksanakan tanggungjawab mengikut kehendak Tuhan," ujarnya.

Menurut beliau, Sarawak mengekalkan rekod cemerlang apabila Laporan Ketua Audit Negara secara konsisten memberi penarafan bersih, manakala kewangan negeri kini berada pada tahap kukuh dengan penarafan AAA daripada institut kewangan antarabangsa.

"Saya mahu prestasi ini diteruskan supaya rakyat Sarawak menikmati kehidupan lebih selesa pada masa depan," tambahnya.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

NEW STRAITS TIMES | 28 AUGUST 2025 | THURSDAY

RESHAPING GOVERNANCE

New chapter in war against graft

AI no longer a futuristic concept, but practical weapon to detect, monitor and prevent corrupt practices, says Azam Baki

AUSTIN CAMOENS
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA is entering a new chapter in its war against corruption, where artificial intelligence (AI) and sweeping institutional reforms are reshaping governance.

The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), under the leadership of Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki, has placed digitalisation at the centre of its operations, while at the same time, pursuing educational, legal and private sector reforms through the National Anti-Corruption Strategy (NACS) 2024–2028.

Azam said AI is no longer a futuristic concept, but a practical weapon to detect, monitor and prevent corrupt practices.

He was speaking in a special interview with the media at the MACC headquarters here recently.

"By removing many of the human touchpoints in administrative processes, digitalisation reduces the opportunities for bribery, manipulation and abuse of power."

"More importantly, AI equips investigators with predictive capabilities, allowing anomalies to be flagged before they turn into scandals," he said.

He said the MACC has adopted a suite of advanced systems designed to cover every stage of anti-corruption work.

"Natural language processing is deployed to sift through vast amounts of unstructured data, while conversational AI tools analyse queries and provide responses across structured and unstructured sources."

"Open-source intelligence platforms help profile individuals and trace digital footprints in the early stages of investigations," he said, adding that optical character recognition tools have been introduced to improve the accuracy of digitised documents, and automation platforms can speed up data preparation and highlight suspicious trends.

He said interactive dashboards powered by business intelligence software are now giving investigators real-time oversight of cases and resources.

"Beyond investigations, AI is being applied to governance itself."

"Complaint management platforms streamline the handling of

whistleblower reports, while exhibit management systems ensure that evidence is logged and tracked digitally," he said, adding that integrity dashboards and centralised reporting systems allow the MACC and other agencies to coordinate their oversight of ministries and state bodies.

Azam said even biometric data is being digitised through the MACC Fingerprint Information System, which maintains records of offenders in corruption cases.

"The commission has also redefined how it communicates with the public. This year, it has launched 'Sara', a digital ambassador on Tik Tok, whose name stands for *Saya Anti-Rasuah*."

"Powered by conversational AI, Sara can deliver anti-corruption messages and engage younger audiences directly," he said, adding that together with AI content-generation technologies, such as *Reassemble AI*, *Dreamface* and *Heygen*, the MACC has produced high-quality campaigns without conventional filming.

He said these efforts were recognised at the 5th Asean PR Excellence Awards, where the commission won the "Best Communication Use of Social Media" award, alongside further honours for crisis management and public relations.

But Azam is also equally frank about the dangers of unregulated AI, pointing to risks such as deep fakes, bot-driven disinformation and manipulated datasets that can erode trust in institutions.

"To mitigate this, the government has launched the Artificial Intelligence Governance and Ethics Guidelines in 2024," he said.

Any decision made using AI must be auditable and open to scrutiny.

"AI must never replace human responsibility," Azam said.

"It should complement decisions, not strip away accountability."

BUILDING INTEGRITY

Azam said if AI is the shield and sword in this battle, NACS provides the wider scaffolding for reform.

"The strategy, launched in May 2024, is designed to ensure that anti-corruption measures translate into benefits that citizens can feel."

"The focus is no longer on producing thick documents of promises, but on ensuring delivery at the grassroots level," he said, adding that a key element of this delivery lies in education from the earliest stage of life.



Malaysian Anti-Corruption Commission Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki says the people's confidence is not built on slogans, but on justice delivered and proven integrity. NSTP PIC BY MOHD FAUZI HAMZAH

Azam said anti-corruption awareness is being introduced even at the preschool level, using illustrated comics, digital modules and an anti-corruption hero mascot to make lessons engaging.

"Children learn best through activity, not just books," he said, noting that the approach is modelled after Hong Kong's success in building a society intolerant of corruption through early education.

"Integrity modules have also been made compulsory in higher education, embedding ethics and governance across the national curriculum."

"Another pillar of reform involves the private sector, where corruption often arises at the interface with government procurement and licensing."

He said 67 contractors seeking to bid for government contracts worth over RM100 million are now encouraged to obtain ISO 37001 Anti-Bribery Management System certification within two years.

"At the same time, Section 17A of the MACC Act 2009 binds commercial organisations to accountability in corruption cases," he said.

Azam said the commission's oversight extends beyond the private sector to also include 1.4 million civil servants and government-linked companies (GLCs) that collectively manage billions — if not trillions — of ringgit each year.

"The government is also considering incentives, such as tax deductions for individuals and businesses that participate in recognised anti-corruption programmes, as well as financial rewards for whistleblowers

who provide evidence."

Azam further suggested that witness allowances should be revisited to reflect the current cost of living. "If a witness has to leave work or pay for transport to testify, we must recognise this burden. Improving this system will encourage more people to come forward," he said.

REFORM, DELIVERY, TARGETS

Azam said since its launch, NACS has already delivered concrete achievements. Sixteen sub-strategies have been completed across 11 ministries and agencies.

"Among these are the Border Control and Protection Agency Act, aimed at curbing smuggling and cross-border crime; compulsory beneficial ownership declarations for procurement; integrity training for the entire civil service; improved recruitment screening through e-Vetting 3.0; and a strengthened Parliamentary Services Act to reinforce legislative independence."

The National Audit Department has also introduced new guidelines and improvised the Auditor General's Dashboard to ensure stricter scrutiny of public funds.

Meanwhile, the MACC itself has upgraded its complaint management system to version 3.0, enhancing the processes of preparing, verifying, submitting and monitoring information status notifications to informants," he said.

To keep citizens informed on the status of NACS itself, Azam said progress may be tracked through two dashboards: r-NACS, an internal monitoring system updated quarterly, and d-NACS, a public-

facing platform that shows which sub-strategies have been completed.

Azam believes such transparency is crucial in building public trust.

"Seeing is believing," he said. "When people can see for themselves the progress being made, their confidence grows."

"Malaysia has also set an ambitious long-term goal to break into the top 25 of Transparency International's Corruption Perceptions Index (CPI) by 2033."

To achieve this, the Chief Secretary to the Government chairs a CPI Task Force that has analysed the nine international surveys used in compiling the index.

"Six focus groups have been formed to tackle weaknesses identified in enforcement, public fund management, business competitiveness, investment risk, legislation and strategic communication," he said, adding that their mandate is to engage stakeholders, implement reforms and report to the National Governance Committee.

TECHNOLOGY AND REFORM

Ultimately, Azam believes that technology and reform must work hand-in-hand.

AI provides the predictive tools and digital infrastructure, while NACS ensures structural change through law, education and institutional accountability.

"*Keyakinan rakyat* (People's confidence) is not built on slogans, but on justice delivered and proven integrity. Integrity Malaysia is not only for our citizens to see but for the world to respect," he said.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO | 28 OGOS 2025 | KHAMIS

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 16 daripada 60 substrategi di bawah Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 berjaya dicapai oleh 11 kementerian dan agensi termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak ia dilancarkan Mei tahun lalu.

Antara agensi yang mencapai kejayaan itu adalah Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Pendidikan; Kementerian Pendidikan Tinggi; Kementerian Komunikasi; Kementerian Kewangan (MOF); Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan Audit Negara; Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta SPRM.

Lima substrategi berjaya dilaksanakan tahun lalu dan 11 substrategi dilaksanakan tahun ini (setakat Ogos), membuktikan komitmen serta kecekapan agensi terbabit dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, cabaran utama bukan lagi sekadar menggubal strategi, tetapi memastikan ia diterjemah dalam tindakan di lapangan.

Berikutan itu, beliau berkata, SPRM telah membangunkan dua *dashboards* bagi memantau proses pelaksanaan dan pencapaian yang diperoleh setiap agensi.

Menurutnya, sistem berkenaan adalah r-NACS yang bertujuan memantau pelaksanaan strategi empat kali setahun bersama agensi yang terlibat dan d-NACS sebagai tarapan umum bagi substrategi yang sudah selesai.

"Pencapaian NACS berupaya menyumbang kepada kejayaan Malaysia meningkatkan prestasi dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) untuk meletakkan negara di tangga ke-25 teratas pada 2039.

"Hala tuju NACS juga selaras komitmen ditunjukkan Ketua Setiausaha Negara sendiri yang memantau pelaksanaan inisiatif pembaharuan sektor awam antaranya menubuhkan Pasukan Petugas Khas CPI yang berperanan menggerakkan pelaksanaan strategi pemantapan tatakelola dan antirasuah di semua peringkat," katanya dalam wawancara khas bersama media di Ibu Pejabat SPRM di

16 SUBSTRATEGI NACS 2024-2028 BERJAYA DILAKSANA

SPRM bangun r-NACS, d-NACS kawal pelaksanaan

SPRM aplikasikan pelbagai sistem digitalisasi dan teknologi AI dalam usaha memperingkatkan kecekapan pelaksanaan tugas serta fungsi di peringkat dalaman organisasi.



sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Azam berkata, pasukan petugas khas yang ditubuhkan itu sedang meneliti sembilan tinjauan antarabangsa yang digunakan dalam penilaian CPI.

Kata beliau, pasukan itu turut mempunyai enam kumpulan fokus yang difinansikan Suruhanjaya Integriti Agensi - Penguatkuasaan (EAIC), MOF, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Komunikasi.

Selain menganalisis dapatan tinjauan CPI, katanya, kumpulan itu juga akan menerajui sesi libat urus bersama pemegang taruh, mengenal pasti isu dan mencadangkan langkah penyelesaian seterusnya melaporkan status hasil tindakan kumpulan secara berkala kepada Pasukan Petugas Khas CPI serta Jawatan Kuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN).

Sementara itu, ditanya

sama ada digitalisasi berupaya membantaras rasuah, beliau mengakuinya kerana ia secara tidak langsung mampu mengurangkan ruang campur tangan manusia yang sering menjadi punca utama kepada

"Hala tuju NACS juga selaras komitmen ditunjukkan Ketua Setiausaha Negara sendiri yang memantau pelaksanaan inisiatif pembaharuan sektor awam antaranya menubuhkan Pasukan Petugas Khas CPI yang berperanan menggerakkan pelaksanaan strategi pemantapan tatakelola dan antirasuah di semua peringkat"

Azam



sistem digitalisasi dan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam usaha memperingkatkan kecekapan pelaksanaan tugas serta fungsi di peringkat dalaman organisasi.

"Kami turut sedang meneroka penggunaan analitik data raya dan AI sebagai alat pengesanan awal bagi mengenal pasti corak perbelanjaan luar biasa atau kelulusan projek yang mencurigakan," katanya.

Bagaimanapun, Azam berkata, semua pihak perlu bersiap siaga dengan ancaman AI supaya mendatangkan kebaikan dan pada masa sama mendidik rakyat untuk memanfaatkan teknologi itu dalam tugas harian.

Jelasnya, fokus kini tidak hanya kepada potensi AI sebaliknya risiko penyalahgunaan termasuk penyebaran maklumat palsu, manipulasi data dan keputusan automatik tidak telus yang menjadi isu global semakin mendesak.

Beliau berkata, kerajaan sudah mengambil langkah awal untuk memastikan penggunaan AI dalam sistem pentadbiran awam berdasarkan prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dengan memperkenalkan dasar atau akta berkaitan.

"Keyakinan rakyat kepada kerajaan tidak dibina dalam sehari sebaliknya terbentuk melalui konsistensi tindakan dan ketelusan pelaksanaan.

"Antara objektif NACS adalah menangani persepsi awam terhadap ketelusan dan integriti institusi negara. Pendekatan yang digariskan bukan sekadar bertujuan membantaras rasuah, tetapi juga mewujudkan sistem pentadbiran diyakini rakyat melalui pemantauan terbuka, penubuhan masyarakat dan penguatkuasaan yang konsisten.

"Semakin rakyat tahu apa yang kita laksanakan, saya percaya keyakinan masyarakat akan meningkat," katanya.

Katanya, NACS adalah komitmen strategik kerajaan untuk membuktikan bahawa reformasi integriti bukan sekadar slogan, namun kesan dirasai rakyat.

KERATAN AKHBAR

THE BORNEO POST SARAWAK | 29 AUGUST 2025 | FRIDAY

BORNEO POSTonline
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

HOME SARAWAK SABAH NATION WORLD BUSINESS SPORTS

YOU ARE AT: Home » News » Sarawak » Auditor-General of Malaysia visits Autonomous Rapid Transit depot, briefed

Auditor-General of Malaysia visits Autonomous Rapid Transit depot, briefed on KUTS project

BY DESIREE DAVID ON AUGUST 29, 2025, FRIDAY AT 11:07 AM

SARAWAK

For the freshest news, join [The Borneo Post's Telegram Channel](#) and [The Borneo Post on Newsday](#).



Wan Suraya is briefed during her working visit to the ART depot. – Photo from Facebook/Jabatan Audit Negara

KUCHING (Aug 29): The Auditor-General of Malaysia visited the Autonomous Rapid Transit (ART) depot here on Wednesday and received a briefing on the progress of the Kuching Urban Transportation System (KUTS) project.

A post on the National Audit Department's Facebook page said the visit by Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi aimed to gain closer insight into the state government's initiative to prioritise environmental sustainability in project implementation.

Sarawak Metro Sdn Bhd project director Zafrin Zakariah delivered the project briefing.

The KUTS project covers the development of the ART and hydrogen-powered buses, which utilise green hydrogen and zero-emission technology in line with Sarawak's commitment to reducing carbon emissions.

Among those present were Corporate Audit Sector director Raftah Ibrahim, Sarawak State Audit director Saiful Anuar Mohd Jaafar, and Ministry of Transport Sarawak Land Transport and Logistics Division head Chong Chi Fam.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KERATAN AKHBAR

THE BORNEO POST SARAWAK | 30 AUGUST 2025 | SATURDAY

Auditor-General of Malaysia visits ART depot, briefed on KUTS project



Wan Suraya being briefed during her working visit to the ART depot.

KUCHING: The Auditor-General of Malaysia visited the Autonomous Rapid Transit (ART) depot here recently and received a briefing on the progress of the Kuching Urban Transportation System (KUTS) project.

A post on the National Audit Department's Facebook page said the visit by Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi wanted to gain closer insight into the state government's initiative to prioritise environmental sustainability in project implementation.

Sarawak Metro Sdn Bhd

project director Zafrin Zakariah delivered the project briefing.

The KUTS project covers the development of the ART and hydrogen-powered buses, which utilise green hydrogen and zero-emission technology in line with Sarawak's commitment to reducing carbon emissions.

Among those present were Corporate Audit Sector director Raftah Ibrahim, Sarawak State Audit director Saiful Anuar Mohd Jaafar, and Ministry of Transport Sarawak Land Transport and Logistics Division head Chong Chi Fam.